

**PAS sokong fatwa anti Syiah Mukhriz, minta kembang seluruh negara**  
**Malaysian Insider**  
**July 19 , 2013**  
**Oleh Hasbullah Awang Chik**

Ketua Dewan Ulama PAS, Datuk Harun Taib menyambut baik cadangan kerajaan negeri Kedah untukewartakan fatwa anti Syiah dan berharap kerajaan negeri yang lain juga turut melakukan tindakan serupa.

Beliau berkata, cadangan itu perlu dikembangkan di seluruh negara bagi mengekang penularan Syiah dalam negara ini.

"Tidak ada masalah, kita tengok dulu selepas ia diwartakan. Kita bukan orang Syiah dan tidak tahu Syiah ada di Malaysia," kata Harun dipetik dari Sinar Harian Online hari ini.

Sementara itu, Datuk Nik Zawawi Nik Salleh berkata tidak ada masalah dengan cadangan itu tetapi kerajaan Kedah perlu melihat secara menyeluruh dan mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak.

Setiausaha Majlis Syura PAS itu menegaskan kerajaan negeri juga perlu mendengar kenyataan semua pihak supaya ia tidak bercanggah dengan akidah dan prinsip Islam.

"Isu ini (Syiah) perlu perbincangan. Kerajaan negeri jangan berat sebelah. Dalam negara yang mengamalkan al Sunnah Wal Jamaah, ada baik dan tidak baik. Syiah dilihat sudut yang tidak baik di Malaysia.

"Kerajaan negeri perlu melihat perkara ini secara global dan jangan memperbesarkan perkara yang kecil," tegas Nik Zawawi.

Media melaporkan kerajaan Kedah akan menggazet fatwa anti Syiah bagi membanteras fahaman itu yang didapati semakin menular di kalangan masyarakat.

Fatwa anti Syiah Mukhriz disokong PAS. Gambar fail.Fatwa anti Syiah Mukhriz disokong PAS. Gambar fail.Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir (gambar) berkata, fatwa itu sudah digazet di peringkat kebangsaan dan fahaman itu menyebabkan timbul kesukaran untuk menguruskan hal berkaitan jenazah.

Semalam AsSajjad Movement mengingatkan kerajaan Kedah supaya memastikan hak asasi manusia buat penganut Syiah dilunasi mengikut piawaian antarabangsa berikutan kenyataan Mukhriz yang berhasrat untukewartakan fatwa anti Syiah dan mengharamkan mazhab berkenaan.

Setiausaha Agungnya, Husin Sajjad berkata Deklarasi Islamabad 2007 menjelaskan sebarang tindakan mengganggu penganut mazhab berkenaan adalah satu bentuk pencabulan hak asasi manusia yang serius apatah lagi Kedah merancang untuk 'membetulkan' akidah mereka. - 20 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-sokong-fatwa-anti-syiah-mukhriz-minta-kembang-seluruh-negara>

